



07 FEB, 2025

Kenaikan tidak akan beban rakyat

Sinar Harian, Malaysia



Kenaikan tidak akan beban rakyat

TPM tegaskan penetapan tarif elektrik baharu di Semenanjung pertimbang kebajikan rakyat

KUALA LUMPUR

Penetapan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia termasuk jadual tarif baharu di bawah mekanisme Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) untuk Regulatori Keempat (RP4) akan mengambil kira kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, selaras dengan penegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebarang kenaikan yang boleh membebankan rakyat tidak akan dibenarkan sama sekali.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) ber-



Fadillah ketika sesi jawab lisan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen ke-15 di Dewan Rakyat pada Khamis.

kata, kementeriannya melalui Suruhanjaya Tenaga telah melaksanakan libat urus bersama pemain industri dan komuniti perniagaan pada 13 Januari dan 5 Februari 2025 berhubung perkara ini.

“Kementerian akan memperhalusi pandangan yang diberikan untuk dijadikan input bagi penetapan jadual tarif baharu kelak agar semua pengguna terutamanya pihak industri dapat lebih bersedia dengan perubahan tersebut dan menggunakan elektrik dengan lebih cekap,” katanya

pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Khamis.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Datuk Abdul Khalib Abdullah (PN-Rompin)** yang bertanyakan rasional di sebalik hasrat Tenaga Nasional Bhd menaikkan tarif elektrik walaupun negara jiran terdekat mempunyai perancangan sebaliknya.

Fadillah berkata, sebarang pengumuman penetapan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia hanya akan dikeluarkan secara rasmi oleh kerajaan. - *Bernama*